

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 OKTOBER 2015 (SABTU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                                 | <b>Akhbar</b> |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.         | PM bentang pelbagai insentif untuk rangsang sektor perniagaan dalam bajet 2016               | BERNAMA       |
| 2.         | Peruntuk RM200 juta laksana STFF                                                             | Harian Metro  |
| 3.         | SME Bank, SIRIM & SME Corp bekerjasama dalam program STFF dengan dana RM200 juta             | BERNAMA       |
| 4.         | Sebar berita baik bajet 2016 kepada rakyat – UPKO                                            | BERNAMA       |
| 5.         | Pengurus keselamatan siber buat analisis terhadap dua set barang kes pencerobohan Lahad Datu | BERNAMA       |
| 6.         | Bajet 2016 berhemat, seimbang & mesra rakyat                                                 | BERNAMA       |
| 7.         | Jerebu dijangka pulih November ini – Jabatan Meteorologi                                     | BERNAMA       |
| 8.         | Ketampakan rendah di perairan Malaysia berterusan sehingga Ahad                              | BERNAMA       |
| 9.         | Shocking find at sub-station                                                                 | The Star      |
| 10.        | Outrage over sale of tainted mutton                                                          | The Star      |
| 11.        | A matter of livelihood                                                                       | The Star      |
| 12.        | Mayat dan rangka murid orang asli dituntut esok                                              | BERNAMA       |
| 13.        | Identiti mayat dan rangka kanak-kanak orang asli disahkan menerusi DNA                       | BERNAMA       |



## PM Bentang Pelbagai Insentif Untuk Rangsang Sektor Perniagaan Dalam Bajet 2016



**Oleh Azlina Aziz & Soraya Jamal**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini membentangkan bajet yang sudah pastinya seimbang dan praktikal, yang menawarkan pelbagai insentif bagi merangsang pelaburan domestik, mencergaskan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pasaran saham.

Bajet 2016 turut meliputi projek bernilai berbilion ringgit yang membuka peluang besar untuk syarikat infrastruktur dan pembinaan, suatu usaha yang pastinya akan memberi dorongan kepada sektor perniagaan dalam tempoh jangka panjang dalam persekitaran luar yang mencabar.

Najib yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan pelaksanaan projek Cyber City Center bernilai RM11 bilion di Cyberjaya, bandar KLIA Aeropolis bernilai RM7.0 bilion serta Bandar Raya Getah bernilai RM320 juta di Kedah, kesemuanya berpotensi mencetuskan dan meningkatkan aktiviti korporat, termasuk untuk sector Bumiputera.

Projek utama di Kuala Lumpur, projek penyuraian trafik di Jalan Tun Razak bernilai RM900 juta, menerusi usaha sama strategik awam dan swasta, sudah pasti merupakan berita baik untuk firma pembinaan.

Najib turut memberitahu Dewan Rakyat bahawa Khazanah Nasional Bhd melabur RM6.7 bilion untuk menjayakan sembilan projek berimpak tinggi dalam negara dalam pelbagai sektor, selain memperuntukkan RM500 juta sebagai modal teroka dan dana ekuiti swasta.

Bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta serta memastikan manfaat turut dinikmati semua negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, RM142 juta diperuntukkan untuk membangunkan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak dan Jeti Minyak Sawit di Sandakan, Sabah, bernilai RM20 juta.

Selain itu, RM42 juta akan dibelanjakan untuk membangunkan Lapangan Terbang Mukah di Sarawak selain menaik taraf lapangan terbang Kuantan dan Kota Bharu manakala kajian daya maju akan dilaksanakan bagi memanjangkan landasan di Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka.

Bajet bertema 'Mensejahterakan Kehidupan Rakyat' membabitkan peruntukan RM267.2 bilion berbanding peruntukan dipinda sebanyak RM260.7 bilion pada 2015, disediakan ketika kedudukan ekonomi sangat mencabar termasuk kejatuhan ketara harga minyak mentah, kelembapan ekonomi dunia dan penyusutan nilai ringgit.

Namun, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ternyata menjadi penyelamat dan menambah hasil menerusi regim percukaian yang lebih cekap daripada kira-kira 400,000 syarikat, yang mewakili 90 peratus pematuhan GST.

Perdana Menteri berkata parti Pembangkang yang mengkritik hebat GST sebelum ini, tanpa malu-malu lagi mengguna pakai GST dalam dokumen bajet masing-masing.

Menerusi perbelanjaan pembangunan, sektor ekonomi bakal menerima bahagian terbesar, sebanyak RM30.1 bilion.

Untuk tahun depan, kutipan hasil Kerajaan Pusat dijangkakan sebanyak RM225.7 bilion, peningkatan sebanyak RM3.2 bilion berbanding 2015.

Beliau berkata tumpuan akan diberikan ke atas sektor kimia, elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, aeroangkasa dan industri peranti perubatan serta perkhidmatan.

"Daripada jumlah itu, RM730 juta diperuntukkan untuk dana di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia," kata Najib.

Najib berkata tahun depan aktiviti pelaburan domestik akan dipergiat, dengan sumbangan kepada KDNK dianggarkan pada 26.7 peratus, dipacu oleh peningkatan dalam pelaburan swasta sebanyak RM218.6 bilion dan disokong oleh pelaburan awam sebanyak RM112.2 bilion.

Najib yang berbaju Melayu berwarna ungu terung, membentangkan Bajet 2016 di Dewan Rakyat, bajet ketujuh beliau sejak mengambil alih kepimpinan pentadbiran.

Bajet 2016 yang merupakan manifestasi Rancangan Malaysia Kesebelas, bajet pertama dalam siri lima bajet hingga transformasi Malaysia sebagai ekonomi maju berpendapatan tinggi.

Dalam usaha mencergaskan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang dijangka menyumbang sebanyak 41 peratus kepada KDNK pada 2020, Najib mencadangkan lima insentif, termasuk penubuhan Dana Transformasi Teknologi PKS berjumlah RM200 juta menerusi SME Bank bagi menyediakan pinjaman mudah pada kadar 4.0 peratus.

Kerajaan juga akan menyediakan Skim Pembiayaan PKS patuh Syariah RM1.0 bilion sehingga 31 Dis, 2017, kata Najib.

Selain itu, PKS yang menanggung perbelanjaan projek R&D sehingga RM50,000 bagi setiap tahun penilaian, layak menuntut pengecualian cukai berganda automatik bagi tahun-tahun penilaian 2016 hingga 2018.

Bagi memperkasa keusahawanan dan meningkatkan inovasi, RM35 juta diperuntukkan kepada MaGIC, sebagai Hab Keusahawan dan Inovasi Serantau Utama, dan RM30 juta untuk melaksanakan beberapa program belia seperti Komuniti Keusahawan Global, BAIHTERA, GREAT, 1MET, Pertandingan Inovasi Kebangsaan dan projek perintis Coding di sekolah.

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** juga akan memperuntukkan RM1.5 bilion untuk mewujudkan hab teknologi kompetitif negara di rantau ini.

Najib berkata bagi mengukuhkan eksport dan ekonomi, kerajaan akan meningkatkan sokongan dengan menyediakan RM235 juta untuk MATRADE bagi melaksanakan Program Promosi 1Malaysia, Dana Perkhidmatan Eksport dan Dana Promosi Eksport.

Matrade dan SME Corp juga akan meningkatkan kapasiti PKS dan syarikat tahap pertengahan untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan.

Bank Negara Malaysia juga akan menyediakan kemudahan swap kredit Ringgit-Reminbi untuk bank tempatan mempelbagaikan kegunaan mata wang asing dalam transaksi dagangan, kata Najib.

Sementara itu, Najib berkata Malaysia sehingga ini sudah menandatangani 13 perjanjian perdagangan bebas yang meliputi enam perjanjian di peringkat serantau dan tujuh perjanjian dua hala.

Bagi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), perdana menteri berkata kerajaan bersetuju pada dasarnya, namun keputusan akhir akan dibuat oleh Parlimen.

Kesemua 12 negara TPPA yang mempunyai penduduk seramai 800 juta dengan KDNK US\$27.5 trilion, akan membuka lebih banyak pasaran dan peluang baharu untuk Malaysia.

Dalam merangka dasar yang bersesuaian dalam kedudukan ekonomi semasa, Najib berkata kerajaan mencadangkan beberapa insentif cukai untuk pengeluaran makanan, yang dilanjutkan sehingga 2020.

Antara insentif tersebut ialah syarikat yang melabur dalam anak syarikat yang melaksanakan projek pengeluaran makanan akan menerima pengurangan cukai bersamaan jumlah yang dilabur.

Syarikat yang melaksanakan projek baharu pengeluaran juga akan diberikan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 10 tahun.

Najib berkata kerajaan juga mempromosi dan menggalakkan syarikat untuk meningkatkan penggunaan teknologi seperti mengguna pakai sistem binaan berindustri (IBS) dalam sektor pembinaan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga akan menyediakan RM1.2 bilion untuk projek jalur lebar luar bandar; Infrastruktur 'National Fiber Backbone'; jalur lebar berkelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut, bagi meningkatkan infrastruktur komunikasi negara.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28**  
**TARIKH: 24 OKTOBER 2015 (SABTU)**

**Kuala Lumpur**

**Peruntuk RM200 juta  
laksana STTF**

SME Bank akan bekerjasama dengan SIRIM Bhd dan SME Corporation Malaysia melaksanakan program Transformasi Teknologi PKS (STTF).

SME Bank akan memperuntukkan dana RM200 juta untuk STTF yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika pembentangan Bajet 2016 semalam.

"SME Bank akan

menyediakan pembiayaan untuk menyokong peningkatan teknologi PKS (perusahaan kecil dan sederhana) ke arah mencapai produktiviti yang lebih tinggi, peningkatan dalam kecekapan proses, pengurusan kos yang efisien serta pengembangan perniagaan ke pasaran eksport," kata SME Bank dalam kenyataan di sini, semalam. - BERNAMA



## **SME Bank, Sirim, & SME Corp Bekerjasama Dalam Program STTF Dengan Dana RM200 Juta**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- SME Bank akan bekerjasama dengan [SIRIM Bhd](#) dan SME Corporation Malaysia dalam melaksanakan program Transformasi Teknologi PKS (STTF).

SME Bank akan memperuntukkan dana berjumlah RM200 juta untuk STTF yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2016 hari ini.

"SME Bank akan menyediakan pembiayaan untuk menyokong peningkatan teknologi PKS (perusahaan kecil dan sederhana) ke arah mencapai produktiviti yang lebih tinggi, peningkatan dalam kecekapan proses, pengurusan kos yang efisien serta pengembangan perniagaan ke pasaran eksport," demikian menurut SME Bank dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, SME Bank juga akan memperuntukkan RM500 juta bagi pelaksanaan program Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) dengan kadar segera.

Fokus IBS pula ialah untuk memberi pembiayaan kepada pengeluar dan kontraktor yang layak serta memiliki pensijilan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pembinaan projek-projek perumahan dan projek kerajaan yang lain.

Pelaksanaan program IBS akan melalui kerjasama antara SME Bank dan CIDB.

SME Bank mendokong penuh mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan untuk melaksanakan kedua-dua program tersebut bagi menyokong aspirasi kerajaan bagi mencapai sasaran sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 41 peratus menjelang 2020.

-- BERNAMA



## Sebar Berita Baik Bajet 2016 Kepada Rakyat - UPKO

TUARAN, 24 Okt (Bernama) -- Pemimpin akar umbi Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) perlu menyebarkan berita baik mengenai Bajet 2016 terutama untuk rakyat Sabah, kata Pemangku Presiden UPKO, [Datuk Seri Madius Tangau](#).

Beliau berkata bajet berkenaan adalah antara yang menyeluruh dan mencabar yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Walaupun menghadapi cabaran, kerajaan masih mampu menyediakan rangsangan kepada rakyat, katanya pada majlis perjumpaan bersama pemimpin UPKO di sini hari ini.

[Tangau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi](#) berkata berita baik perlu disebarkan kepada rakyat yang selama turut mendapat maklumat negatif dan bohong tentang kerajaan.

Antara berita baik yang terkandung dalam Bajet 2016 ialah peruntukan RM200 juta bagi Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang menyaksikan harga sekilogram bagi gred SMR 20 'Freight on Board' dinaikkan daripada RM4.60 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan getah skrap akan dinaikkan daripada RM1.75 kepada RM2.20 per kilogram.

Kerajaan juga akan memperuntuk RM70 juta sebagai subsidi padi huma untuk meningkatkan bekalan makanan.

Padi huma banyak terdapat di Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA



## Pengurus Keselamatan Siber Buat Analisis Terhadap Dua Set Barang Kes Pencerobohan Lahad Datu

KOTA KINABALU, 23 Okt (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa seorang pengurus keselamatan siber melakukan analisis terhadap dua set barang kes berkaitan pencerobohan Lahad Datu.

Fauzi Mohd Darus daripada CyberSecurity Malaysia berkata beliau menerima beberapa barang kes daripada Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia pada 29 Mac 2013 dan satu set lagi pada 9 April tahun yang sama.

"Barang kes telah diasingkan mengikut laporan polis dan saya mendaftarkan setiap barang dengan nombor rujukan CyberSecurity Malaysia," katanya dan menambah bahawa barang berkenaan ialah telefon bimbit, kad SIM dan kad memori.

Beliau memberi keterangan pada perbicaran 30 individu yang dikaitkan dengan pencerobohan lelaki Sulu bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Menurut Fauzi, beliau membawa barang kes itu ke pejabatnya di CyberSecurity Malaysia dan menyimpannya di dalam Bilik Penyimpanan Barang Bukti.

Fauzi memberitahu mahkamah bahawa beliau menggunakan peralatan forensik dikenali sebagai XRY v6.5.1 untuk menganalisis telefon bimbit dan kad SIM berkenaan, manakala satu lagi peralatan forensik dikenali sebagai ENCASE v6.18 pula digunakan untuk menganalisis kad memori.

Kata Fauzi, beliau menyediakan laporan analisis siber pada September 2013 dan mengeluarkan versi kedua laporan itu pada April tahun lepas, termasuk butiran terperinci mengenai dapatannya tentang barang kes berkenaan.

Dua puluh tujuh warga Filipina dan tiga penduduk tempatan dibicarakan atas pelbagai tuduhan termasuk menganggotai kumpulan pengganas dan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga dituduh merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung di Jabatan Penjara Sabah bersambung pada 26 Okt.

-- BERNAMA



## Bajet 2016 Berhemat, Seimbang & Mesra Rakyat - Mustapa

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Bajet 2016 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan belanjawan berhemat, seimbang dan mesra rakyat, yang menangani kebimbangan rakyat, kata Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) itu berkata, kebimbangan itu termasuk peningkatan kos sara hidup, meningkatkan daya saing perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kesejahteraan rakyat.

"Berikutan momentum aliran masuk pelaburan langsung asing yang semakin meningkat, Bajet 2016 terus memperkenalkan langkah-langkah baru untuk memastikan Malaysia kekal menarik kepada pelabur.

"Sebanyak RM1.914 bilion telah diperuntukkan kepada MITI untuk melaksanakan program di bawah bajet ini. Daripada jumlah ini, RM539.2 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM1.375 bilion untuk perbelanjaan pembangunan," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata antara insentif untuk menggalakkan pelaburan swasta termasuk Badan Bebas bagi Penilaian Pematuhan (ICAB).

ICAB bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem ujian, pengesahan dan proses pensijilan yang diterajui [SIRIM Bhd](#) di mana aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah kritikal kepada industri tetapi mungkin tidak ada di Malaysia.

"Pada masa ini, dianggarkan terdapat lebih 600 makmal ujian di Malaysia, dengan lebih daripada 80 peratus adalah kecil dan tidak dapat menyediakan perkhidmatan ujian kepada sektor-sektor yang dicadangkan," kata Mustapa.

Sektor-sektor termasuk jentera dan peralatan, elektrik dan elektronik, bahan kimia, makanan, aeroangkasa dan peralatan perubatan.

Jumlah eksport industri ini meningkat daripada RM323.5 bilion pada 2010 kepada RM354.1 bilion pada 2014.

Sehingga Ogos 2015, jumlah eksport sektor-sektor ini mencapai RM247.7 bilion.

-- BERNAMA



## Jerebu Dijangka Pulih November Ini - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Masalah jerebu yang melanda negara dijangka berakhir November ini berikutan ketibaan angin monsun dari arah timur laut yang akan menolak udara tercemar ke selatan wilayah Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata monsun timur laut dijangka bermula pada minggu pertama atau kedua November dan akan berakhir pada minggu kedua Mac 2016.

"Mulai November, kita akan mengalami angin monsun timur laut...ini bermakna angin dari Laut China Selatan tidak akan bawa jerebu dari Indonesia dan pada waktu itu negara akan bebas daripada jerebu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau operasi pembenihan awan oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Mosti) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini, hari ini.

Berkenaan operasi pembenihan awan (OPA), beliau berkata Mosti melaksanakan 29 OPA bagi mengurangkan kesan jerebu sejak Mac lepas.

Jelasnya, operasi itu akan diteruskan di kawasan yang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat melebihi tempoh 72 jam.

"Pembenihan awan telah berjaya menghasilkan hujan di beberapa kawasan yang dilanda jerebu teruk termasuklah di Lembah Klang," katanya.

Mengulas lanjut mengenai proses pembenihan awan itu, Che Gayah berkata bahan yang digunakan adalah garam masakan biasa yang dilarutkan bersama air sebelum disembur ke dalam awan.

Katanya, proses tersebut tidak mempunyai kesan sampingan terhadap kesihatan manusia ataupun alam sekitar.

"(Berhasil atau tidak) proses (pembenihan awan) bagaimanapun mengambil kira faktor keadaan awan, atmosfera yang sesuai dan stabil serta udara lembap di kawasan sasaran," katanya.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 24 OKTOBER 2015 (SABTU)



## Ketampakan Rendah Di Perairan Malaysia Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada tiga kilometer di perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor dijangka berterusan sehingga Ahad.

Jabatan Meteorologi berkata keadaan yang sama turut dijangka berlaku di bahagian utara Selat Melaka.

Keadaan ini adalah berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai alat navigasi.

-- BERNAMA

# Shocking find at sub-station

Man and four boys oblivious to danger in the place they call home

By ANDY CHUA

andychua@thestar.com.my

**SIBU:** Five homeless individuals, including four boys, have been spending their nights at a power sub-station here, shocking officers from the utility company who discovered them there.

Three of them, aged 10, 11 and 12, have made the sub-station in Island Road their home for the past one month.

The boys from Kanowit were joined by a 19-year-old from Pakan two nights ago.

The longest "resident" there was a 23-year-old man who had lived there for the past three months. The man is also from Pakan.

The 11-year-old said his parents divorced several years ago.

"After that, I was staying with a relative but was not treated well by them. So, I ran away," he said.

As for the 12-year-old, he said his parents

had passed away.

"Since I have no proper place to live, I would roam around in town," he said.

Staff of Syarikat SESCO Bhd and police officers who went to the sub-station at 9am yesterday found them in a dishevelled state.

There was also a strong stench at the sub-station.

They have been moving about in groups since they started putting up there.

Police had detained them previously for petty crimes such as theft.

They told reporters yesterday that they survived on leftover food by scavenging dustbins. None knew of the danger they were actually in.

Deputy district police chief Supt Martin Koo said the police were investigating the boys under Section 448 of the Penal Code for trespassing.

"In the meantime, we will refer them to the Welfare Department for further action."



**Risky stay**  
The power sub-station has been home to a man and four boys.

## IGP wants UKM to provide courses on cyber threats

**KUALA LUMPUR:** Police are looking into collaborating with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) to provide courses focused on increasing officers' capacity in handling cyber security and cyber crimes.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said he would hold further discussions with Prof Dr Hazita Azman from UKM.

"Cyber crimes are a threat in this day and age. We must increase the

capacity of our officers in handling this threat.

"This doesn't mean that we aren't prepared to face this threat. We are always ready but we have to upgrade and improve our capacity," he told reporters at the police academy here yesterday.

Khalid said a cyber security unit was already in place under the Science, Technology and Innovation Ministry.

"We more or less complement or assist the unit in handling cases related to cyber security.

"The police also have a special unit under the Commercial Crime Investigation Department (CCID) to handle cyber crime cases," he said.

Police, said Khalid, were adequately staffed in combating cyber crime but there was a need for officers to increase their experience and knowledge in the area.

"We send our officers for training in other countries. We've sent them to Hong Kong and China to gain experience. We are always working with other countries, especially China, in facing the threats of cyber crime," he said.

Police, said Khalid, would be taking full advantage of courses provided by the Interpol Global Complex for Innovation (IGCI) in Singapore to equip officers with

knowledge on cyber crime and cyber security.

"If necessary, we will discuss the setting up of a department that deals specifically with cyber crime. For now, it is adequate to put under the purview of the CCID," he said.

Focusing on cyber crimes and cyber security would also help in the fight against the Islamic State, added Khalid.

# Outrage over sale of tainted mutton

SINCE the *StarMetro* broke the story of four restaurants in Petaling Jaya found selling mutton dishes that did not contain mutton, the news has gone viral, leaving customers very worried.

The issue came to light after Petaling Jaya City Council (MBPJ) conducted spot-checks on restaurants following public complaints and took samples of the meat for DNA tests.

MBPJ Health director Dr Chitra N. Vadivelu said the council would continue carrying out random testing at eateries and wet markets in the city.

"We have already taken samples from a few other restaurants since the first four tested, and we will be taking samples from more restaurants," she said.

Dr Chitra added that the delay was due to typhoid-related operations and the department could only resume sampling by the end of November or early December.

"We will not just go to restaurants, we will go straight to the source, which is all the markets in PJ," said Dr. Chitra.

To-date, the council had sent 19 samples for analysis, including the four which were discovered to be selling meat other than mutton advertised in their menus.

"All Indian and Muslim restaurants will be covered throughout PJ in stages," Dr Chitra added.

One issue highlighted was the long turnaround the **Chemistry Department** took in returning with the test results.

Petaling Jaya Selatan MIC division leader Datuk V. Subramaniam said the Chemistry Department should have given more urgency to conducting the tests as well as carried out analysis on the actual DNA of the meat.

"The sample analysis should have been done as fast as possible for the authorities to take action faster.

"The department could have also conclusively found out what meat it was, so that people are not left to wonder and speculate," he said.

He added that MBPJ must take decisive action against the errant restaurants, as it was a matter of public concern.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran said the issue had been a long-standing one, as he had been receiving complaints from the public about the meat dishes sold at restaurants in his constituency.

"I can understand the council's wish to wait for a second round of test results, before it was decided that it could not do so without voiding the first sampling," he said.

However, he noted, this was a good learning experience which the city council could benefit from, especially when requesting analy-

## Poser over mutton dishes at some PJ restaurants

Test results reveal four restaurants found guilty of unethical practice

Story by VINCENT TAN  
vincent.tan@starmetro.com.my  
YOUR mutton restaurant might not realise you're not all, according to an analysis done by several other restaurants. Petaling Jaya City Council (MBPJ) Health and Environment Director Datuk V. Subramaniam said.



See how you about the...  
PLIGHT OF TAXI DRIVERS  
...  
Try alternatives  
...  
Part of their cult  
...  
Overpriced meal  
...

Flashback of *StarMetro* report on Oct 22.

sis for samples.

Meanwhile, a former meat importer said insisting on your curry mutton having meat on the bone was not only tastier but was one way of ensuring there was no beef or buffalo meat mixed in.

The former meat wholesaler, who declined to be identified, said he was not surprised over the issue of tainted mutton, that was highlighted by *StarMetro* in an exclusive story.

He pointed out that goat meat had smaller bones and it would be harder for restaurants to mix in or pass off cheaper meats to customers.

"Meat on the bone is always tastier. Without bones, mutton, beef and even buffalo meat look almost the same in curries," he said.

But he said most Indian or

Indian Muslim restaurants served boneless mutton curry and the practice of mixing in cheaper meats was not uncommon.

"I have been eating mutton curry all my life. There has been occasions where what was served had no kick and I knew from the taste that it was not mutton," he said.

Confronting these restaurant owners only got him denials or excuses.

He doubts the authorities will be able to stop the practice.

The illicit practice is attributed to the limited availability and high cost of local mutton which is selling at RM40 per kilogramme.

Wholesale price for Australian mutton is RM25 a kilogramme while beef is RM15 per kilogramme.

# A matter of livelihood

I MET a colleague at UCSI University who left the cold of Canada to live in tropical Malaysia.

After experiencing the haze, he now has second thoughts about his decision. He is seriously contemplating returning to Canada, notwithstanding the minus 40° winter temperature there. But when told that in a few days, the north-east monsoon would clear up the haze, he was relieved.

The haze may be going but the floods are coming next!

Natural disasters have become more common, thanks to climate change. The Academy now has an active programme on disaster reduction anchored by fellows.

But if we dig up the untold story behind the haze phenomenon, we will find evidence suggesting that it is a case of the continuing struggle between development and the environment.

A fellow of the Academy who worked in Indonesia has documented much evidence on the root cause of the haze.

Of course, it is obvious to everyone by now that it is the result of rampant open burning of slashed vegetation. But who is actually burning the stuff?

## The haze is a clear demonstration of the dilemma facing the poor.

Contrary to what has often been reported in the media, his study has more or less confirmed that it is not the work of big oil palm or timber companies. Instead, he has strong evidence to show that it is the work of the common farmers. They have in fact been doing it for years.

It is a normal thing to do when clearing up new land. It is the cheapest way and the locals have been enduring the haze for ages now. But for us, we only get the drift when the wind blows our way.

However, we need to understand why the farmers do it. According to the study, they do it as a livelihood. I was told that in many parts of remote Indonesia, there is no such thing as a land title. Often, whatever land you clear is yours. I believe this was also the case in Malaysia at one time, especially in Sabah

and Sarawak.

So farmers in Sumatra would clear up jungle land to claim ownership and probably sell it later to the right party. And as we know, burning is the cheapest way to get rid of the cleared vegetation.

However, in parts of Kalimantan, peat areas are cleared by the farmers to plant rice. And the best time to clear these areas is during the dry season when burning is easy. Now, since the region is in the midst of El Nino, which brings a lot of dryness, this is the best time to do the burning.

Of course, such practices of open burning do impact negatively on the environment. What we see is the haze pollution which can have serious health implications.

But what we do not see is the massive amount of the greenhouse gases, especially carbon dioxide, that are released into the atmosphere. Some have estimated that the greenhouse gas emissions from the current haze have already exceeded the total emission in one year from the US!

In December, Paris will host a big international meeting to discuss again what the world needs

to do to cut emissions. Experts say the burning of peat is even more damaging to the environment. In some Norwegian countries, the burning of peat for energy generation has long been practised but it is not encouraged here. This is because temperate peat is different in character from tropical peat.

It is clear from the evidence uncovered in the study that the haze is a clear demonstration of the dilemma facing the poor; to choose between development and the environment.

Clearly, the farmers there have suffered from the haze more than us in Malaysia but what choice do they have? The practice is part of their livelihood. I do not see any way we can stop such practices unless we can offer a better livelihood option for them.

The solution lies in how we can create a situation where they will have a livelihood without resorting to openly burning the cut vegetation. That is the challenge!

**DR AHMAD IBRAHIM**  
Fellow **Academy of Sciences**  
**Malaysia**  
Professor UCSI University



## Mayat Dan Rangka Murid Orang Asli Dituntut Esok

GUA MUSANG, 24 Okt (Bernama) -- Dua mayat dan dua rangka murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi yang ditemui di Sungai Perias di sini akan dituntut oleh keluarga masing-masing pagi esok.

Empat mangsa tersebut dikenali sebagai Haikal Yaakob, 8, Linda Rosli, 8, Ika Ayel, 9, dan Jovina David, 7.

Keluarga keempat-empat mangsa dibenarkan menuntut mayat kanak-kanak itu selepas pembuktian identiti menerusi ujian DNA selesai dijalankan oleh [Jabatan Kimia](#) semalam.

Seorang bapa mangsa, Ayel Ajid, 48, berkata keempat-empat mangsa juga akan dikebumikan secara serentak mengikut adat Orang Asli suku Temiar di Kampung Penad.

Ayel berkata kesemua anggota keluarga mangsa telah lama bersiap sedia untuk membawa pulang jasad anak-anak mereka, namun ditangguhkan oleh pihak Hospital Gua Musang yang mahu menguruskan mayat kanak-kanak itu dengan sempurna.

"Kita tunggulah sampai pagi esok untuk menuntut keempat-empat mayat berkenaan dan mereka akan dikebumikan segera di Kampung Penad kerana semua mangsa tinggal di kampung itu.

"Saya juga rasa tidak sabar untuk membawa balik mayat anak saya, Ika. Kami harap dapat lupakan tragedi hitam ini," katanya ketika ditemui di Pos Tohoi di sini, hari ini.

Sementara itu, Sobrie Latip, 25, berkata beliau tidak terkilan apabila pengumuman hasil ujian DNA semalam menyatakan bahawa mayat pertama yang ditemui pada 7 Okt lepas bukan anaknya Sasa, 8, walaupun proses pengecaman awal menyangkakan mayat berkenaan adalah anaknya.

"Saya berharap pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) dapat menemui Sasa walaupun ia hanya tinggal rangka agar kami sekeluarga dapat melepaskan kerinduan terhadapnya," katanya.

Tujuh murid SK Tohoi dilaporkan hilang selepas bertindak melarikan diri dari asrama pada 23 Ogos kerana takut dikenakan hukuman kerana mandi di sungai tanpa kebenaran.

Dua daripada mangsa iaitu Norieen Yaakob, 10, dan Miksudiar Aluj, 11, ditemui hidup pada 9 Okt selepas hilang selama 48 hari di dalam hutan.

-- BERNAMA



## Identiti Mayat Dan Rangka Kanak-Kanak Orang Asli Disahkan Menerusi DNA - Polis Kelantan

GUA MUSANG, 23 Okt (Bernama) -- Polis Kelantan hari ini mengesahkan rangka dan mayat yang dijumpai di Sungai Perias, Pos Tohoi di sini, adalah kanak-kanak Orang Asli yang hilang sejak 23 Ogos lepas.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap mayat yang ditemui pada 7 Okt mendapati ia adalah Linda Rosli, 8, manakala penemuan rangka tidak lengkap pada 8 Okt dikenal pasti Haikal Yaakob, 8 tahun.

"Usaha mencari seorang lagi kanak-kanak yang masih hilang (Sasa Sobrie, 8) tetap diteruskan," katanya kepada pemberita ketika meninjau operasi mencari dan menyelamatkan di Pos Tohoi di sini, hari ini.

Mazlan berkata sebelum ini mayat yang ditemui pada 7 Okt itu dikenal pasti sebagai Sasa oleh bapanya, Sobrie Latip, 25, ketika pengecaman awal dilakukan di Hospital Gua Musang (HGM) sebelum keputusan DNA menunjukkan ia adalah Linda.

Tujuh murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi dilaporkan hilang selepas bertindak melarikan diri dari asrama pada 23 Ogos kerana takut dikenakan hukuman kerana mandi di sungai tanpa kebenaran.

Dua daripada mangsa iaitu Norieen Yaakob, 10, dan Miksudiar Aluj, 11, ditemui hidup pada 9 Okt selepas hilang selama 48 hari di dalam hutan.

Pada 16 Okt lepas, [Jabatan Kimia](#) mengesahkan identiti mayat kanak-kanak yang ditemui pada 9 Okt itu adalah mangsa yang hilang iaitu Ika Ayel, 9, manakala rangka yang ditemui pada 11 Okt pula adalah Juvina David, 7.

Mazlan berkata pihaknya kini menerima banyak maklumat terbaharu mengenai Sasa yang masih hilang itu hasil temu bual dengan Norieen dan Miksudiar yang sedang dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu.

"Kita sedang buat analisis semua maklumat berkenaan dan yakin ia boleh membawa kesan positif dalam pencarian seorang lagi kanak-kanak yang masih hilang itu," katanya.

-- BERNAMA